

Headline	Mobiliti pelajar Malaysia-Republik China 10 Pelajar UMS terpilih		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	03 Sep 2013	Language	Malay
Circulation	23,655	Readership	
Section	Semasa	Color	Black/white
Page No	18	ArticleSize	208 cm ²
AdValue	RM 416	PR Value	RM 1,248



ALBUM ... Prof. Madya Dr. Ho Chong Mun (kiri) bergambar bersama Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah (tengah) dan beberapa pelajar yang terlibat dengan mobiliti UMS-Republik China.

Mobiliti pelajar Malaysia-Republik China: 10 Pelajar UMS terpilih

KOTA KINABALU: Seramai 10 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah terpilih mengikuti program mobiliti pelajar antara Malaysia-Republik China bermula 22 September 2013.

Mereka terdiri daripada enam pelajar Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SP-KAL), dua orang Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) dan masing-masing seorang daripada Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA) dan Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP).

Program yang dipelopori Jabatan Pengajian Tinggi itu akan diadakan selama enam

bulan di Beijing dengan keutamaan terhadap pembelajaran bahasa Mandarin dan pendedahan terhadap budaya di negara tersebut pada tiga bulan pertama. Manakala tiga bulan berikutnya, para pelajar akan menjalani latihan sangkutan di syarikat AEON Beijing, sebuah syarikat yang bekerjasama dengan IPTA yang dipilih sebagai Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE).

Menurut Pengarah Pusat Hubungan Industri (PHI) UMS, Prof. Madya Dr. Ho Chong Mun, dalam program mobiliti berkenaan, Universiti EcoCampus itu melalui PHI memainkan peranan sebagai urusetia kewangan manakala Universiti Utara

Malaysia (UUM) pula bertindak menyelaraskan penempatan pelajar.

Bercakap ketika ditemui media di pejabatnya beliau berkata, selain pelajar UMS, seramai 10 orang pelajar daripada UUM turut menyertai kumpulan ini dengan dibiayai sepenuhnya oleh Yayasan Al-Bukhary.

Pada kesempatan itu beliau turut mengalu-alukan penglibatan pihak industri bagi mengadakan kerjasama terhadap pengendalian latihan dan juga program mobiliti pelajar. Mereka yang berminat boleh menghubungi pejabat PHI di talian 088-320000 sambungan 1382 atau 1031 atau emel ke pejphi@ums.edu.my.